



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/1/2011

Saf baru UMNO diumumkan 13 Jan.

PULAU PINANG 8 Jan. - Badan Perhubungan UMNO negeri akan mengumumkan senarai baru barisan kepimpinannya pada 13 Januari ini yang dijangka menampilkan gandingan muka lama dan baru sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Senarai baru itu adalah selaras dengan pelantikan Datuk Zainal Abidin Osman dan Datuk Musa Sheikh Fadzir sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang.

Mesyuarat tersebut yang akan berlangsung di Wisma UMNO di sini, dijangka menyaksikan pelantikan baru bagi beberapa jawatan penting termasuk Setiausaha, Ketua Penerangan dan Bendahari.

Menurut Zainal Abidin, rombakan tersebut juga akan membabitkan pelantikan baru bagi barisan kepimpinan jentera pilihan raya di peringkat negeri dan bahagian.

"Pelantikan bagi jentera pilihan raya penting untuk kita menumpukan secara khusus bagi gerak kerja pilihan raya sepanjang tahun 2011 ini," katanya kepada pemberita di sini semalam.